

GUIDANCE NOTES

What are the criteria for submission?

The exhibition is open to all artists or art collectives aged 21 or over (Malaysian and non Malaysian) living and working in Malaysia. It is also open to all Malaysian artists based overseas.

Applications are accepted from artists working in any medium including, for example, painting, sculpture, moving image, textiles, photography, drawing, performance, or installation.

Artists working with a pseudonym or collaboratively as part of collectives are eligible to apply, as long as they fulfill the above criteria. If in a collective, at least one member of the group must be aged 21 or over.

What is the application deadline?

Applications for ILHAM Art Show 2025 are open at **11:00 AM on 10 September 2024** and close at **11:59 PM on 31 December 2024**. Any applications made after this date cannot be considered.

Where do I submit the application?

Follow this link: ilhamartshow2025.paperform.co

For questions on accessing the link, technical problems, and access needs, please email us at ilhamgallerykl@gmail.com.

What do I need to submit?

- Artist Bio/CV, Education, Exhibition History (500 words max).
- An original artwork proposal with title, dimensions, artist statement, and estimated production costs (500 words + a maximum of 5 images, schematics, renderings).
- Recent works (maximum of 5 different artworks, clearly labelled and compiled in a PDF file). If your artwork for either the 'artwork proposal' or 'recent works' involves moving image or sound, you may include a URL link where we can access it.

Please note:

- Dimensions of the proposed artwork aren't a qualifying factor. We will be looking at other criteria rather than the size of the artwork. Only new original artwork proposals that have not been exhibited will be considered.
- All images should be shared as JPEG with a maximum file size of 1MB. No other formats will be accepted.

- Since you can only upload up to 5 images for the artwork proposal, these should be clearly labelled. Each image file must be named with your artist name and number from 1-5 e.g. AhmadMustafa1.jpg.
- Please do not send any additional material, including catalogues, photographs, or anything further in support of your application. This cannot and will not be reviewed by the selection panel as it will not be possible to return such materials to you.

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

ELIGIBILITY

Is there an age restriction for applicants?

To apply, you must be aged 21 or over by 31 December 2024.

If I am over 21 but still in full or part-time education am I still eligible to apply?

Yes.

Is there a theme for the submissions or exhibition?

Not at the application stage. The curators will decide whether or not to highlight certain themes in their curation of the selected works.

Will performance and sound work be considered?

Yes.

If I work as part of an art collective, can we still apply?

Yes. At least one person in the collective is required to be aged 21 or over. Please designate one person from the collective to submit the application. If your application is successful, that person will become the main point of contact for the exhibition.

Can I submit more than one application?

No. If, however, you work collaboratively as well as individually, you may submit an application as yourself and as a member of your group, as long as the artwork proposal and recent works differ.

Can I submit as part of a collective and as an individual?

Yes.

Do I have to be a Malaysian citizen to apply?

No. It is open to all artists, regardless of nationality, living and working in Malaysia.

APPLICATION FORM**Can I submit the form in Bahasa Malaysia?**

Yes, we accept application forms in both BM and English.

Can I submit an artwork proposal for a work I am currently working on?

Yes, as long as it has not been exhibited before.

How many images, videos or renderings can I attach to the artwork proposal?

There is a maximum of 5 image file uploads per artwork proposal and 1 video URL link (if needed), as long as they do not exceed the file size limitation. (1 MB/ image)

Is it possible to submit larger or higher resolution images for the artwork proposal?

No, because of the expected number of entrants we are unable to accept digital images larger than 1MB or in any format other than JPEG.

Are there any size restrictions on the artwork for the proposal I submit?

Due to practical limitations, the size of the finished artwork should not exceed 3 metres (width) × 3 metres (height) × 3 metres (depth). If the artwork comprises multiple components, the maximum size of each component should not exceed 2.5 metres (width) × 1.9 metres (height) × 0.9 metres depth.

Will the estimated budget costs for the artwork I propose affect my application standing?

No, the size of the proposed budget in your artwork proposal will not affect the selection process. Please note that if you are selected, ILHAM gallery curators will decide on the production grant (between RM2,000 – RM10,000) based on your artwork proposal.

How many examples of my work under ‘Recent Works’ can I submit for my application?

Artists can submit up to 5 examples of their practice in a PDF. These need to be clearly labelled with title, material, and dimensions within the single PDF document. If your recent works also involve video, you may include a URL link where we can access it.

How recent must the works included in the ‘Recent Works’ PDF be?

There is no set time frame, but we only ask that you choose 5 works that most exemplifies your practice. This will give the panel more background context for your artistic practice when viewing your artwork proposal.

Can I send supporting material by post?

No, please do not send additional catalogues, photographic or other material in support of your application to the gallery. We will receive a high number of applications and it will not be possible for the selectors to review additional material. It will also not be possible to return such material to you.

Can I edit my application form or add any images at a later date?

No, once you have submitted your application you cannot edit it. Please review it carefully before submitting it. Please also note you are unable to save your application mid-way.

I am having a problem proceeding with my application. What do I do?

Please make sure that your internet browser is up-to-date. If the problem continues, please get in touch with us at ilhamgallerykl@gmail.com. Please check the size of image files and videos before submitting.

ACCESS NEEDS**I am unable to submit online, can I submit my application as a hard copy?**

In case of special access needs or if you are unable to submit your work online, please get in touch with us: ilhamgallerykl@gmail.com. We can provide you with a word document application form or discuss any other ways of submitting your application.

I do not have access to a computer and am submitting a hard copy of the application form. What format must my images be in?

Images must be printed out no larger than A4 size and must have your full name and the number on them, which corresponds to the information on your application form.

NOTIFICATION**How do I know my application has been received?**

If you submit your application electronically through ilhamartshow2025.paperform.co, you will receive an electronic receipt by email. We won't be responsible for applications if they are delivered by post or by hand unless your application falls under 'Access Needs', and we have been notified ahead of time by phone or email.

When will I hear back?

The call for entries closes at **11:59 PM on 31 December 2024**. Every application will be viewed and final decisions about the selection will be made on **March 2025**, when candidates will be notified by email. We will post any further updates on our website and social media, where the selected artists will also be announced.

How will the selection panel decide on the selected artists?

This exhibition aims to showcase new original work created for the ILHAM Art Show, which will hopefully reflect the diversity of the Malaysian art scene. The selection panel will carefully look at your proposals alongside your recent works in order to make their decision.

Previous works included within your 'Recent Works' PDF are just to give the panel an idea of your practice. It is not the main criteria by which the panel will judge. They will be more focused on the artwork you propose. The size of the proposed budget in your artwork proposal will not affect the selection process.

Due to the volume of applications, ILHAM Gallery curators will make an initial preselection to which the selection panel has access to, alongside all the eligible applications.

The selection panel will make final decisions by March 2025. **The selection panel's decision is final and no correspondence shall be entered into.**

The selection panel will consider proposals that they feel are important, relevant and timely.

PRODUCTION GRANT

Those selected to participate in the ILHAM Art Show 2025 will be awarded an art production grant to be put towards the making of their new work.

If selected, how much grant money will I be given to make the work in my proposal?

The production grant will be between RM2,000 to RM10,000, depending on the artwork proposal and upon agreement with ILHAM.

DELIVERY/FREIGHT

If selected, the gallery will organise transport of the artwork to the gallery in October 2025. At the close of the exhibition, ILHAM will arrange for the work to be delivered back to the artist.

However, Malaysian artists residing overseas whose artworks are located outside Malaysia, will be responsible for transporting their work to and from ILHAM at their own cost.

NOTA PANDUAN

APAKAH KRITERIA UNTUK PENYERTAAN?

Pameran ini terbuka kepada semua artis dan kumpulan seni usaha sama yang ahlinya berusia 21 tahun ke atas. Artis yang dipilih harus tinggal dan bekerja di Malaysia (warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia), dan artis warganegara Malaysia yang menetap di luar negara.

Permohonan terbuka kepada artis berbagai bahantara, seperti catatan dan lakaran, arca, cetakan, imej bergerak, tekstil, fotografi, 'perfomasi' dan instalasi.

Artis yang bekerja bawah nama samaran atau melibatkan kumpulan seni usaha sama layak memohon asalkan memenuhi setiap kriteria di atas. Jika kumpulan usaha sama, sekurang-kurangnya seorang ahli harus berumur 21 tahun ke atas.

BILA TARikh AKHIR MENYERAH PERMOHONAN?

Permohonan ILHAM Art Show 2025 dibuka pada jam **11:00 pagi, 10 September 2024** dan ditutup pada **11:59 malam, 31 Disember 2024**. Permohonan yang dihantar selepas waktu ini tidak akan dipertimbangkan.

BAGAIMANA MENGHANTAR PERMOHONAN?

Iikut pautan ini: ilhamartshow2025.paperform.co

Untuk pertanyaan berkaitan pautan, masalah teknikal dan keperluan akses, sila hubungi kami di ilhamgallerykl@gmail.com.

APA YANG PERLU DIHANTAR?

- Bio/CV Artis mengandungi maklumat pendidikan, pameran (maksimum 500 perkataan).
- Cadangan karya original dengan tajuk, ukuran dan pernyataan artis, serta anggaran kos pengkaryaan (500 perkataan + maksimum 5 imej, skema, lukisan).
- Karya terkini (maksimum 5 buah karya berlabel, dalam fail PDF). Jika 'karya cadangan' dan 'karya terkini' anda melibatkan imej bergerak dan bunyian, sila sertakan bersama pautan URL untuk akses kami.

Sila maklum:

- Ukuran karya cadangan bukan faktor penentu kelayakan. Kami akan melihat kriteria lain selain saiz karya. Hanya cadangan karya original yang baru yang tidak pernah dipamerkan akan dipertimbangkan.
- Semua imej harus dalam format JPEG saiz 1MB maksimum. Format lain tidak akan diterima.

- Oleh kerana anda hanya boleh muat naik 5 imej sahaja untuk cadangan karya, ia hendaklah dilabel dengan jelas. Setiap fail imej harus diiringi nama artis dan bilangan 1-5. Cth. AhmadMustafa1.jpg.
- Jangan hantar bahan tambahan, termasuk katalog, foto atau apa sahaja untuk menyokong penyertaan anda. Ia tidak akan dipertimbangkan oleh para panel pemilih kerana tidak dapat memulangkan semula bahan-bahan ini.

SOALAN LAZIM

KELAYAKAN

Adakah had umur permohonan?

Anda harus berumur 21 tahun atau lebih pada 31 Disember 2024.

Adakah saya layak untuk penyertaan jika melebihi had usia 21 tahun dan sedang mengikuti pengajian sepenuh masa atau separuh masa?

Ya.

Apakah tema untuk permohonan dan pameran?

Tidak ada pada tahap permohonan. Kurator akan memutuskan sama ada perlu memilih tema-tema tertentu dalam penyediaan pameran.

Adakah karya ‘performasi’ dan bunyian dipertimbangkan?

Ya.

Adakah layak untuk memohon jika bekerja secara usaha sama atau berkumpulan?

Ya. Sekurang-kurangnya seorang ahli harus berusia 21 tahun ke atas. Sila pilih seorang wakil kumpulan untuk membuat permohonan. Jika terpilih, kami akan menghubungi wakil tersebut untuk hal-hal pameran.

Bolehkah saya menghantar lebih dari satu penyertaan?

Tidak. Walau bagaimanapun, anda boleh menghantar penyertaan mewakili diri sendiri dan sebagai ahli kumpulan jika anda bekerja secara usaha sama dan juga secara individu asalkan ia karya yang berlainan.

Bolehkah saya memohon sebagai ahli kumpulan usaha sama dan sebagai individu secara berasingan?

Ya.

Adakah penyertaan hanya untuk warganegara Malaysia sahaja?

Tidak. Penyertaan terbuka kepada artis yang tinggal dan bekerja di Malaysia.

BORANG PENYERTAAN**Bolehkah saya menghantar penyertaan dalam Bahasa Malaysia?**

Ya, kami menerima borang permohonan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Bolehkah saya menghantar cadangan untuk karya yang saya sedang hasilkan?

Ya, jika ia tidak pernah dipamerkan sebelum ini.

Berapakah jumlah imej, video dan lukisan yang saya boleh sertakan bersama karya cadangan?

Jumlah maksimum 5 fail imej dimuat naik untuk satu karya cadangan dan pautan URL ke video (jika diperlukan), jika ia tidak melebihi had saiz fail. (1MB/imej)

Bolehkah saya hantar imej bersaiz besar dan resolusi tinggi untuk karya cadangan?

Tidak, kerana jangkaan penyertaan yang tinggi kami tidak dapat menerima imej digital yang melebihi 1MB atau format selain JPEG.

Adakah had saiz untuk karya cadangan?

Oleh kerana ruang galeri terhad, saiz karya tidak boleh melebihi 3 meter (lebar) × 3 meter (tinggi) × 3 meter (dalam). Jika karya lebih daripada satu bahagian, setiap bahagian tidak boleh melebihi 2.5 meter (lebar) × 1.9 meter (tinggi) dan 0.9 meter (dalam).

Adakah anggaran kos karya akan mempengaruhi pemilihan?

Tidak, anggaran kos karya tidak akan mempengaruhi proses pemilihan. Harap maklum jika karya anda terpilih, pihak kurator Galeri ILHAM akan menentukan geran biaya (antara RM2,000 – RM10,000) berdasarkan cadangan anda.

Berapakah jumlah contoh ‘Karya Terkini’ yang boleh saya hantar untuk penyertaan?

Artis boleh menghantar sehingga 5 contoh karya di dalam fail PDF. Ia perlu dilabel jelas dengan tajuk, bahan dan saiz dalam satu dokumen PDF. Jika karya terbaru anda ada dalam bentuk video, sila sertakan pautan URL untuk akses kami.

Betapa baru harus karya-karya yang dimuatkan dalam PDF ‘Karya Terkini’?

Tiada had jangka masa, kami hanya meminta anda memilih karya yang paling jelas menampakkan amalan seni anda. Ini akan meluaskan konteks latar belakang kesenian anda bila panel pemilih mempertimbang cadangan karya anda.

Bolehkah saya menghantar bahan sokongan melalui pos?

Tidak, jangan hantarkan katalog, foto atau bahan sokongan lain ke galeri. Kami menjangkakan penyertaan yang tinggi dan sukar untuk para panel pemilih memeriksa setiap bahan tambahan. Tambahan lagi, sukar untuk mengembalikan semula bahan-bahan tersebut kepada anda.

Boleh saya menyunting semula borang penyertaan atau menambah imej kemudian?

Tidak, anda tidak boleh menyunting semula setelah menghantar borang permohonan. Sila periksa dengan teliti sebelum hantar. Sila maklum anda tidak boleh menyimpan borang permohonan sewaktu mengisi borang.

Saya menghadapi masalah ketika mengisi borang penyertaan. Apa perlu saya lakukan?

Sila pastikan pelayar internet anda terkini. Jika masih bermasalah, sila hubungi kami di ilhamgallerykl@gmail.com. Sila pastikan saiz file imej anda dan video sebelum menghantar.

KEPERLUAN AKSES**Saya tidak dapat menghantar secara talian, bolehkah saya menghantar permohonan dalam bentuk salinan cetak?**

Jika anda memerlukan kaedah istimewa atau tidak boleh menghantar penyertaan secara talian, sila hubungi kami di ilhamgallerykl@gmail.com. Kami akan sediakan borang penyertaan dalam bentuk dokumen Word atau berbincang cara lain untuk menghantar penyertaan anda.

Saya tiada akses kepada komputer dan akan menghantar salinan cetak untuk penyertaan. Apakah format untuk imej?

Imej perlu dicetak tidak besar dari saiz A4 dan harus mempunyai nama penuh anda dan bilangan, sepadan dengan maklumat dalam borang permohonan.

NOTIFIKASI**Bagaimana boleh saya tahu permohonan saya telah diterima?**

Jika anda menghantar penyertaan melalui aplikasi ilhamartshow2025.paperform.co, anda akan menerima resit elektronik menerusi emel. Kami tidak bertanggung jawab atas permohonan yang dihantar melalui pos atau dengan tangan, kecuali jika penyertaan anda ialah bawah 'Keperluan Akses' dan kami telah diberitahu terlebih dahulu menerusi telefon atau emel.

Bila saya akan terima balasan?

Permohonan akan ditutup pada **11:59 malam 31 Disember 2024**. Setiap permohonan akan dipertimbangkan dan keputusan akhir akan diumum pada **Mac 2025** menerusi emel kepada setiap calon. Kami akan mengemas kini laman web dan media sosial kami dengan pengumuman artis yang terpilih.

Bagaimana panel pemilihan memutuskan pilihan artis?

Pameran ini bertujuan mempersembahkan karya original terbaru yang dihasilkan untuk ILHAM Art Show 2025, yang diharap merupakan cerminan kepelbagaiannya dalam suasana seni rupa Malaysia. Panel pemilih akan meneliti setiap cadangan karya anda di samping karya terkini anda untuk membuat keputusan.

Contoh karya-karya lepas yang disertakan dalam PDF 'Karya Terkini' bertujuan memberikan latar belakang terhadap amalan seni anda. Ia bukan kriteria utama panel pemilihan. Tumpuan utama diberi kepada karya yang anda cadangkan. Nilai kos pengkaryaan juga tidak mempengaruhi pemilihan.

Kerana jumlah penyertaan yang tinggi, para kurator Galeri ILHAM akan membuat pemilihan awal terlebih dahulu, yang boleh diakses oleh panel pemilih, bersampingan semua penyertaan yang layak. Panel pemilih akan membuat keputusan akhir pada Mac 2025. **Keputusan yang dibuat adalah muktamad dan segala rundingan tidak dilayan.**

Panel pemilih diminta menggunakan kepakaran mereka dalam menentukan cadangan karya artis yang dirasakan penting, relevan dan bertepatan masa.

GERAN PRODUKSI

Mereka yang dipilih menyertai ILHAM Art Show 2025 akan diberi geran pembiayaan karya baharu mereka.

Jika terpilih, berapakah jumlah yang akan diterima untuk menghasilkan cadangan karya saya?

Geran pengkaryaan berjumlah antara RM2,000 sehingga RM10,000 tertakluk kepada cadangan karya dan persetujuan pihak ILHAM.

PENGANGKUTAN

Jika terpilih, galeri akan menguruskan pengangkutan karya ke galeri pada bulan Oktober 2025. Pada hujung tempoh pameran, galeri akan menguruskan pemulangan karya kepada artis.

ILHAM akan menanggung kos pengambilan dan penghantaran karya dari lokasi di serata Malaysia ke ILHAM. Manakala, artis menetap di luar negara, yang karya siapnya juga di luar negara, perlu membiayai sendiri kos penghantaran dan pengambilan karya dari lokasi ke ILHAM dan juga sebaliknya.